

26/11/1997

Media ketepi kekecewaan demi Dr Mahathir

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

DUA peristiwa penting berlaku di Langkawi sepanjang minggu lalu. Pertama ialah Sidang Kemuncak Serantau Asia-Kyushu dengan Kerajaan Kedah sebagai tuan rumah, manakala peristiwa kedua pula ialah lawatan bersejarah Presiden Perancis, Jacques Chirac.

Antara kedua-dua peristiwa itu, lawatan Chirac, iaitu yang pertama oleh seorang pemimpin Perancis mendapat liputan meluas akhbar. Pertemuan Chirac dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan disusuli sidang akhbar bersama dihadiri hampir 100 wartawan, jurugambar dan jurukamera tempatan serta antarabangsa.

Walaupun tidak dijemput dan tanpa jadual lawatan, wakil media tetap hadir membuat liputan peristiwa penting dan bersejarah itu. Ia tidak menghairankan kerana yang terbabit dalam peristiwa itu adalah dua tokoh terkenal dunia.

Bagaimanapun, ia berbeza dengan Sidang Kemuncak Asia-Kusyu walaupun perasmiannya dilakukan Dr Mahathir.

Malah, wakil media tempatan sebenarnya langsung tidak dijemput secara rasmi membuat liputan majlis itu. Jika bukan Dr Mahathir yang merasmikannya, mungkin mereka tidak datang membuat liputan.

Seorang rakan wartawan yang kecewa dengan penganjur berkata bahawa beliau mungkin tidak datang membuat liputan jika bukan Perdana Menteri yang merasmikannya.

Katanya, kerajaan negeri bukan sahaja tidak mengeluarkan jemputan rasmi, malah layanan yang diberikan terhadap wakil media ketika mendaftar untuk membuat liputan juga tidak profesional.

Lebih mendukacitakan apabila ada pegawai yang terbabit dalam sidang kemuncak itu memberitahu rakan saya bahawa wartawan tempatan perlu datang awal ke dewan perasmian di hotel lima bintang itu kerana tempat untuk media tempatan mungkin tidak mencukupi bagi menampung keperluan media asing.

Seperkara lagi kelemahan penganjuran persidangan itu ialah kekurangan publisiti. Wakil media di Langkawi atau di Alor Star langsung tidak dimaklumkan mengenai tujuan atau matlamat persidangan.

Ketiadaan taklimat awal mengenainya menyebabkan persidangan itu tidak mendapat publisiti sebelum majlis diadakan. Dalam masa yang sama, pegawai penganjur mengadu kerana media tidak memberikan publisiti.

Tetapi mereka tidak sedar bahawa ia berpunca daripada kelemahan mereka sendiri. Justeru, jangan pula menyalahkan media jika publisiti sesuatu acara tidak diberikan secara meluas.

Yang penting ialah bukan sahaja mengiktiraf fungsi media dalam menyampaikan maklumat dan membantu kerajaan membangunkan rakyat dan negara, tetapi menggunakan sepenuhnya kemudahan yang ada untuk kepentingan semua pihak.

Selain itu, mereka yang terbabit dalam penganjuran persidangan itu diharap belajar daripada kesilapan dan memperbaikinya pada masa depan.

(END)